

Ciast edar 500 Jalur Gemilang

SHAHALAM - Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (Ciast) mengedarkan 500 bendera kepada orang awam bagi memeriahkan sambutan Hari Kemerdekaan yang bakal tiba.

Pengarahnya, Suimi Abd Majid berkata, ia bertujuan membangkitkan semangat merdeka dan menggalakkan orang ramai mengibarkan Jalur Gemilang.

"Ia inisiatif warga Ciast menggalakkan orang ramai lebih menghargai dan bangga untuk mengibarkan Jalur Gemilang.

"Jadi kita edarkan kepada orang awam yang menggunakan laluan hadapan bangun-

an Ciast bagi memeriahkan kempen yang bermula hari ini (kelmarin) hingga 16 September, iaitu Hari Malaysia," katanya selepas melancarkan Majlis Bulan Kemerdekaan dan Kempen Jalur Gemilang di Auditorium Ciast, petang kelmarin.

Katanya, program tersebut mendapat sokongan 285 kakitangan dan sebahagiannya turut membantu mengedarkan bendera-bendera tersebut.

Terdahulu, seramai 285 kakitangan memeriahkan majlis dengan mengibarkan Jalur Gemilang dan menyanyikan lagu tema tanda semangat cintakan negara di auditorium.



Suimi mengedarkan dan melekatkan Jalur Gemilang pada salah sebuah kereta orang awam yang jalu di hadapan bangunan Ciast.